

# MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT DAN PENYERAHAN CENDERAHATI STAF PEJABAT PONGLIMA TENTERA UDARA

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2800-majlis-pemakaian-pangkat-dan-penyerahan-cenderahati-staf-pejabat-panglima-tentera-udara](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2800-majlis-pemakaian-pangkat-dan-penyerahan-cenderahati-staf-pejabat-panglima-tentera-udara)

KUALA LUMPUR, 21 Dis 17 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah menyempurnakan majlis pemakaian pangkat dan penyerahan cenderahati bagi staf pejabatnya hari ini. Anggota yang dinaikkan pangkat adalah LU I Kamarara bin Amir dan LU I Mohd Nur bin Abu Zaki. Kedua-dua mereka masing-masing dilantik ke pangkat Laskar Udara Kanan. Di majlis yang sama, Panglima Tentera Udara turut menyampaikan cenderahati kepada Kpl U Raja Mohd Badrul Hisyam bin Raja Ismail yang dikurniakan cahaya mata baru-baru ini.

